



**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN**



**EMBARGO: Tidak dibenarkan untuk
diterbitkan atau disiarkan sebelum 12.00
tgh hari pada hari Rabu, 26 Februari 2025.**

**SIARAN MEDIA
PELANCARAN LAPORAN PASARAN HARTA 2024**

PRESTASI TERTINGGI PASARAN HARTA TANAH DALAM TEMPOH SEDEKAD

KAJANG, 26 Februari 2025 – Bilangan dan nilai transaksi harta tanah pada tahun 2024 memecah rekod tertinggi dalam tempoh sedekad, menurut Laporan Pasaran Harta 2024 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Dari tahun ke tahun, bilangan transaksi menokok 5.4% kepada 420,525 pada 2024. Nilai transaksi melonjak 18.0% kepada RM232.30 bilion, pada 2024 berbanding tahun 2023.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II, berkata prestasi terbaik pasaran harta tanah dalam sedekad pada tahun 2024 adalah tanda keyakinan industri dan rakyat akan momentum penstrukturan semula ekonomi Malaysia seperti yang telah dipeta dalam kerangka Ekonomi MADANI.

Pasaran harta tanah adalah satu proksi utama ekonomi sesebuah negara. Dari segi transaksi dan penghunian yang semakin bercambah, menunjukkan hasil awal Kerajaan MADANI untuk menggilap semula aktiviti industri dan memberi manfaat kepada rakyat secara saksama," kata beliau tatkala menyempurnakan Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2024 di Institut Penilaian Negara (INSPEN), Selangor hari ini.

Intipati lain prestasi pasaran harta tanah tahun 2024 adalah:

- **Prestasi yang lebih kukuh** bagi **pelancaran baharu kediaman**, meningkat kepada 75,784 unit, dengan prestasi jualan 37.3%, didorong oleh pertumbuhan positif unit dilancarkan di hampir kesemua negeri.
- **Prestasi kediaman siap dibina tidak terjual (*overhang*)** merekodkan **momentum yang lebih baik**. Unit siap dibina tidak terjual merekodkan penurunan kepada **23,149 unit lebih bernilai RM13.94 bilion**, menurun 10.3% dan 21.2% dalam bilangan dan nilai berbanding tahun 2023 (25,816 unit siap dibina tidak terjual bernilai RM17.68 bilion).
- Segmen **aktiviti pembinaan bagi harta tanah kediaman sangat menggalakkan** di mana semua peringkat pembinaan menunjukkan pertumbuhan positif.
- **Prestasi penghunian kompleks perniagaan** merekodkan **peningkatan kepada 78.8%** berbanding 77.4% pada tahun sebelumnya.
- **Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM)** pada 2024^p berada pada paras **225.6** mata (harga purata RM486,678 seunit) dengan pertumbuhan **tahunan sederhana pada kadar 3.3%**.

Pasaran Harta Tanah Dijangka Kekal Mampan

Melangkah ke tahun 2025, trajektori pertumbuhan pasaran harta tanah didorong oleh aktiviti transaksi yang mampan dan pertumbuhan dalam sektor pembinaan melalui projek infrastruktur strategik, subsektor kediaman dan bangunan bukan kediaman.

Belanjawan 2025 juga telah memperkenalkan langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan permintaan pasaran harta tanah seperti pelepasan cukai pendapatan individu ke atas pembayaran faedah pinjaman perumahan dan menyediakan Skim *Step Up Financing* di bawah SKJP sebagai jaminan Kerajaan khusus bagi menggalakkan pemilikan rumah pertama kepada anak muda. Insentif khas kewangan dan infrastruktur di bawah Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) serta Zon Kewangan Khas di Forest City, Johor bakal menarik lebih ramai pelabur global ke Malaysia.

Perkembangan positif dalam kesiapan pembangunan infrastruktur, antaranya projek Rapid Transit Link (RTS) di Johor, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak dijangka akan terus memangkin peningkatan ekonomi dan pasaran harta tanah negara.

Laporan Pasaran Harta dan semua penerbitan lain boleh dilayari melalui portal rasmi NAPIC di napic.ipph.gov.my.

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)
Kementerian Kewangan
26 Februari 2025